

Bab 7

Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya terhadap Kegiatan Manusia di Asia

Zon Iklim Sejuk

Iklim Tundra


Kawasan

- Sepanjang pantai utara Asia, terutamanya pantai utara Siberia.

Ciri-ciri iklim

- Musim panas yang singkat, iaitu empat bulan dan sederhana sejuk dengan suhu kurang daripada 10°C .
- Musim sejuk yang panjang, iaitu lapan bulan dan sangat sejuk dengan suhu di bawah 0°C hingga -32°C .
- Julat suhu tahunan besar, iaitu sehingga 42°C .
- Hujan tahunan di antara 250 mm hingga 300 mm.
- Hujan maksimum pada musim panas yang dibawa oleh Angin Baratan.
- Ribut salji berlaku pada musim sejuk.

Graf iklim




■ Pengaruh iklim Tundra terhadap kegiatan manusia

● Perikanan di Siberia (utara)



- Dijalankan pada musim sejuk.
- Merupakan sumber protein penduduk.
- Penangkapan ikan seperti paus, kod dan salmon dilakukan ketika musim panas.
- Harpoon digunakan untuk menangkap ikan paus.



● Pemburuan di Siberia (utara)



- Binatang buruan: Walrus, rusa kutub dan serigala.
- Kulit digunakan untuk membuat pakaian, khemah dan kayak.
- Daging merupakan sumber makanan.
- Tulang dijadikan rangka khemah.
- Lemak dijadikan bahan bakar untuk menyalakan pelita.

Zon Iklim Sejuk Sederhana

Iklim Laurentia


Kawasan

- Jepun (utara)
- Korea Utara
- China (utara)

Ciri-ciri iklim

- Musim panas yang singkat, sederhana panas dan lembap dengan suhu di antara 21°C hingga 26°C .
- Musim sejuk yang panjang, sangat sejuk dan kering dengan suhu di antara -6°C hingga 10°C .
- Julat suhu tahunan di antara 20°C hingga 30°C .
- Hujan tahunan di antara 500 mm hingga 1 000 mm.
- Hujan lebat pada musim panas dibawa oleh angin Monsun Tenggara.
- Salji turun pada musim sejuk.

Graf iklim



■ Pengaruh iklim Laurentia terhadap kegiatan manusia

● Pertanian (Hokaido di Jepun, Dataran Manchuria di China dan Korea Utara)



- Tanaman hawa sederhana seperti sayur-sayuran, buah-buahan, gandum dan kentang dapat diusahakan.

you want to discuss
● Perikanan (Sepanjang pantai di Jepun)



- Jepun merupakan pengeksport ikan dan tangkapan laut yang terbesar di dunia.
- Perikanan laut dalam menggunakan kapal besar yang dilengkapi dengan peralatan canggih seperti alat mengesan, menangkap dan mengdinginbekukan tangkapan laut.
- Pertembungan arus panas Kurashio dan arus sejuk Oyashio menggalakkan pertumbuhan plankton dan pembiakan ikan.

Zon Iklim Panas Sederhana

Iklim China


Kawasan

- China (tengah dan selatan)
- Jepun (selatan)
- Taiwan (utara)

Ciri-ciri iklim

- Musim panas yang sederhana panas dengan suhu kira-kira 28°C .
- Musim sejuk yang sederhana sejuk dan kering dengan suhu kira-kira 5°C .
- Julat suhu tahunan di antara 25°C hingga 30°C .
- Hujan tahunan di antara 500 mm hingga 1 600 mm.
- Angin Monsun Tenggara membawa hujan lebat pada musim panas.
- Hujan kebiasaannya turun dalam bentuk hujan siklon.

Graf iklim



■ Pengaruh iklim China terhadap kegiatan manusia

● Pertanian (Lembah Sungai Yangtze, lembangan Chang Jiang dengan Xijiang, Dataran China Tengah)



- Cuaca panas dan cerah pada musim panas sesuai untuk memetik dan mengeringkan kapas dan daun teh.
- Hujan tahunan yang banyak membolehkan tanaman padi diusahakan.
- Tanaman lain seperti kacang tanah, gandum, kacang soya dan kaoliang turut dapat diusahakan.

● Penternakan (Shijiazhuang Sanlu, Shandong, Hunan, Henan, Anhui, Inner Mongolia Yili, Shanghai Bright)



- Kegiatan penternakan seperti lembu, ayam dan khinzir sesuai dijalankan dalam keadaan suhu yang sederhana.
- Suhu sederhana panas dan sederhana sejuk juga menggalakkan pertumbuhan rumput yang menjadi sumber makanan kepada haiwan ternakan.

Zon Iklim Panas

Iklim Gurun Panas


Kawasan

- Gurun Arab
- Gurun Thar
- Gurun Iran

Ciri-ciri iklim

- Musim panas yang sangat panas dengan suhu melebihi 32°C .
- Musim sejuk yang sederhana sejuk dengan suhu kira-kira 16°C .
- Julat suhu tahunan di antara 17°C hingga 20°C .
- Hujan tahunan kurang daripada 250 mm.
- Angin Timuran tidak membawa hujan.
- Waktu siang yang sangat panas dan waktu malam yang sangat sejuk.
- Langit sentiasa cerah dan tidak berawan.
- Fros terjadi pada waktu malam.
- Mengalami tiupan ribut pasir.

Graf iklim



■ Pengaruh iklim Gurun Panas terhadap kegiatan manusia

● Pertanian (Tabuk, Riyadh dan Wilayah Qassim)



- Pertanian dijalankan secara kecil-kecilan di kawasan oasis, anak sungai dan mata air yang terdapat bekalan air dan tanah yang sentiasa lembap.
- Tanaman yang ditanam di kawasan Gurun Panas antaranya adalah kurma dan gandum.

● Penternakan (Gurun Arab dan Hudaibiyah)



- Haiwan ternakan di kawasan gurun antaranya ialah unta, kambing, biri-biri dan lembu.
- Penternakan dilakukan secara nomad berikutan keadaan panas dan kering.
- Haiwan-haiwan ini diternak untuk mendapatkan daging, susu dan dijadikan bahan makanan.
- Bulu biri-biri dijadikan pakaian.